



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP: 1**

Penempatan Jawatan: BAHAGIAN KESELAMATAN, PEKAN

PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41/KP44/KP48

Tangga Gaji RM2,081.00 (Minimum) - RM11,635.00 (Maksimum)

Kelayakan:

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau

(ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,285.00).

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

(a) Calon bagi lantikan dengan kelayakan seperti di perenggan 1c(i) dan 1c(iii) hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA INGGERIS

(a) Memiliki Kejujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon yang mendapat kelulusan Malaysian University English Test (MUET) dengan aras minimum 3 boleh dikecualikan mencapai kejujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat SPM.

(b) Mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda

Keutamaan kepada calon:

Syarat Tambahan Lantikan Bagi Jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP44

a) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** di **Gred 41** di dalam mana-mana Skim Pkhidmatan di bawah klasifikasi **Perkhidmatan keselamatan dan Pertahanan Awam**; ATAU

b) **Mempunyai tempoh pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun di sektor swasta;**

c) Memperoleh Markah Cemerlang iaitu lapan puluh peratus (**80%**) dalam **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam / Badan Berkanun.**

Syarat Tambahan Lantikan Bagi Jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP48

a) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** di **Gred 44** di dalam mana-mana Skim Pkhidmatan di bawah klasifikasi **Perkhidmatan keselamatan dan Pertahanan Awam**; ATAU

b) **Mempunyai tempoh pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun di sektor swasta;**

c) Memperoleh Markah Cemerlang iaitu lapan puluh peratus (**80%**) dalam **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam / Badan Berkanun.**

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, [E-recruitment UMP](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

JABATAN PENDAFTAR

**CANSELERI TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PELANTIKAN)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMP.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 12/06/2018
TARIKH TUTUP : 26/06/2018